



11 April 2022
11 April 2022
P.U. (A) 105

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 3) 2022

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 3) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2022**.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—
 - (a) Kemudahan Pembiayaan Berjangka-i yang diperoleh oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam daripada CIMB Islamic Bank Berhad dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu billion ringgit (RM1,000,000,000.00) yang disebut sebagai “Kemudahan TF-i” dalam Perintah ini; dan
 - (b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Kemudahan TF-i.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan TF-i dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang baginya Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 terpakai menurut Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam) 2016 [*P.U. (A) 198/2016*];
- (b) CIMB Islamic Bank Berhad; atau
- (c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan TF-i dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuk mana-mana pihak yang kepadanya mana-mana perjanjian, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan TF-i dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 8 April 2022
[MOF.SID(S)700-14/2/14 JLD. 4; PN(PU2)232/XVI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 3) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 3) Order 2022**.

Application

2. This Order shall apply to—

(a) the Term Financing-i Facility obtained by the Public Sector Home Financing Board from CIMB Islamic Bank Berhad with the aggregate principal amount not exceeding one billion ringgit (RM1,000,000,000.00) which is referred to as the “TF-i Facility” in this Order; and

(b) the guarantee given or to be given by the Government of Malaysia in relation to the TF-i Facility.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, instrument and document in relation to the TF-i Facility and the guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full:

- (a) the Public Sector Home Financing Board to which the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Public Sector Home Financing Board) Order 2016 [*P.U. (A) 198/2016*];
- (b) CIMB Islamic Bank Berhad; or
- (c) any other party to any agreement, instrument and document in relation to the TF-i Facility and the guarantee referred to in paragraph 2, including any party to whom any such agreement, instrument and document is transferred or assigned.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of any agreement, instrument and document in relation to the TF-i Facility and the guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full.

Made 8 April 2022
[MOF. SID(S) 700-14/2/11 JD.5; PN(PU2)232/XVI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance